

Kuala Lumpur

Individu yang mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris, komunikasi yang efektif, penguasaan Bahasa Malaysia, keupayaan merancang dan kemahiran pemasaran mendapat permintaan tinggi dalam kalangan majikan.

Selain itu, terdapat penekanan yang semakin meningkat terhadap kemahiran teknikal iaitu penguasaan Bahasa Mandarin, keupayaan menganalisis, kecekapan dalam Microsoft Office, kepakaran pemfailan dan kemahiran pengurusan projek.

Berdasarkan Analisis Data Raya Penawaran Pekerjaan Diiklankan Dalam Talian di Malaysia, bagi suku tahun kedua 2023 dijalankan Jabatan Perangkawan Malaysia (DOSM), ia mendapati bahawa untuk mengukuhkan peluang kerja dalam kalangan pencari kerja, adalah penting untuk membina dan menyelaraskan kemahiran yang dikehendaki majikan secara konsisten mengikut keperluan semasa pasaran kerja yang dinamik.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, pada suku tahun kedua 2023, kategori profesional adalah penyumbang terbesar pada suku berkenaan dengan 48.1 peratus atau 125,625 kekosongan jawatan, diikuti oleh Juruteknik dan Profesional Bersekutu, Pengurusan, dan Pekerja Perkhidmatan serta Jualan.

"Jawatan mendapat permintaan tinggi pada suku itu profesional pengiklanan dan pemasaran, pengarah urusan dan ketua ek-



TERDAPAT penekanan yang semakin meningkat terhadap kemahiran teknikal.

BINA, SELARAS KEMAHIRAN

Individu miliki penguasaan bahasa, komunikasi efektif terima permintaan tinggi kalangan majikan

sekutif, profesional bersekutu pentadbiran, akauntan dan juruaudit serta pembangun perisian," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, dari perspektif pekerjaan popular yang ditawarkan dalam kategori Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Profesional Pengiklanan dan

Pemasaran mencatatkan kekosongan jawatan tertinggi diikuti oleh Profesional Bersekutu Pentadbiran, dan Pembangun Perisian.

Sementara itu, tiga pekerjaan teratas dalam kategori Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) adalah Juruteknik, Pengurus Projek dan Ju-

ruter Perisian.

Bagi Senarai Pekerjaan Kritikal (COL), permintaan tertinggi adalah Profesional Pengiklanan dan Pemasaran, Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif (12,703), serta Akauntan dan Juruaudit.

Dalam pada itu, berdasarkan kekosongan jawatan di peringkat negeri,

Kuala Lumpur terus merakodkan kekosongan jawatan tertinggi pada suku berkenaan dengan 59,222 jawatan, diikuti Selangor di kedudukan kedua dengan 20,438 kekosongan jawatan dan Johor yang meliputi 11,436 kekosongan.

Sebaliknya, Perlis mencaatkan bilangan kekosongan jawatan terendah dengan 91 iklan pada tempoh berkenaan.

Tiga pekerjaan teratas dalam kategori Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) adalah juruteknik, pengurus projek dan jurutera Perisian